



RISALAH

edisi 1/2026

MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

OKT 2025-
MAC 2026



WELCOMING PELANCONG

sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 & Tahun Melawat Malaysia 2026

PORT DICKSON
SURFCASTING 2025



Majlis Way Forward
MPPD 2026



MAJLIS PENYERAHAN SIJIL
PENARAFAN BINTANG PIHAK
PENGURUSAN STRATA DI
BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS PERBANDARAN PORT
DICKSON BAGI TAHUN 2025

SIDANG REDAKSI

01



PENAUNG

Tuan Hasnor bin
Abd Hamid
Yang Dipertua, MPPD

02



PENASIHAT

Encik Mohd Azizul
Hakim bin Zaini
Setiausaha, MPPD

03



PENGARANG

Mohammad Norazlan
bin Othmany@Othman
*Pengarah, Jabatan
Pelancongan, Korporat
& Komuniti MPPD*



PENULISAN

Puan Shakinah
binti Harun
Cik Nur Shuhada
binti Shaifuddin



EDITOR

Cik Nurainun
binti Misnan



JURUFOTO

Encik Izzarul Afiq
bin Ibrahim
Cik Nurainun
binti Misnan

ISI KANDUNGAN

01

Jabatan Perancang Bandar

m/s 03

02

Jabatan Landskap &
Pengindahan Bandar

m/s 03

03

Jabatan Penilaian &
Pengurusan Harta

m/s 04-08

04

Unit Pesuruhjaya
Bangunan (COB)

m/s 07-08

05

Jabatan Kawalan Bangunan

m/s 09

06

Jabatan Pelesenan

m/s 10-11

07

Jabatan Pelancongan
Korporat & Komuniti

m/s 12-18

08

Jabatan Penguatkuasaan

m/s 19-21

09

Jabatan Kewangan

m/s 22-23

10

Jabatan Perkhidmatan,
Perbandaran Dan Kesihatan

m/s 24-26

11

Bahagian Perolehan

m/s 27

12

Unit Perundangan

m/s 27

13

Unit Pusat Setempat (OSC)

m/s 28

14

Unit Audit Dalam

m/s 29-30



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk tidak
dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada
Majlis Perbandaran Port Dickson.

JABATAN PERANCANG BANDAR

MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA TAHUN 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

13 November 2025 | Bahau, Jempol



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan dengan bertemakan 'Pembaharuan Semula Bandar : Agenda Perancangan Untuk Rakyat'. Pelbagai program telah diadakan iaitu sesi penyampaian Penghargaan Bandar Mampan Tahun 2025 peringkat Negeri Sembilan dan MPPD telah menerima Anugerah Khas Kemampanan Bandar (Insentif Khas YAB Menteri Besar Negeri Sembilan) sebanyak RM 10,000.00 dengan pencapaian 96.43%.

JABATAN LANDSKAP & PENGINDAHAN BANDAR

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) KE PANTAI TELUK KEMANG

7 Januari 2026 | Pantai Teluk Kemang



Lawatan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai pengurusan pantai dari aspek landskap, rekreasi dan kelestarian alam sekitar, selaras dengan prinsip pembangunan mampan. MPPD berharap lawatan seumpama ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar serta mengeratkan hubungan kerjasama antara institusi pendidikan dan pihak berkuasa tempatan pada masa akan datang.

LAWATAN TURUN PADANG YDP MPPD BERSAMA PEMAJU BSS DEVELOPMENT SDN. BHD

2 April 2026 | Galeri Jualan Matrix Concept, Sendayan

Lawatan turun padang ini telah diketuai oleh Jabatan Landskap & Pengindahan Bandar yang melibatkan beberapa jabatan MPPD dan Yang Dipertua MPPD bersama pihak pemaju ke galeri jualan Matrix Concept, Sendayan.

Lawatan turun padang ini bertujuan untuk membincangkan cadangan penyerahan kawasan selenggaraan landskap dan status bangunan galeri jualan sebelum proses serahan dilaksanakan.



JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

LAWAT PERIKSA PEMANTAUAN KEROSAKAN & ADUAN GERAI/PASAR/DEWAN MPPD

November 2025 sehingga Mac 2026

Lawat periksa yang dilakukan setiap bulan ini adalah untuk memantau operasi gerai, pemeriksaan bagi penyerahan gerai dan memeriksa kerosakan premis-premis gerai MPPD sekiranya ada seperti jadual berikut:

BIL	BULAN	BIL. LOKASI	LOKASI		
1	November hingga Disember 2025	19	Pasar Pasir Panjang, Gerai Baru 8 Unit Tapak Pasar Malam Batu 4, D'Jetty Medan Ikan Bakar, Dewan Prima Homes Lukut, Medan Ikan Bakar Kg Telok, Medan Selera Bagan Pinang, Kiosk Saujana Walk, Rumah Sampah Bersebelahan Gerai Blue Lagoon, Gerai Tpk Perkhemahan Seri Purnama, Tandas Dataran Sri Kemang, Pasar Teluk Kemang, No 3 Pusat Penjaja Bagan Pinang, Kafeteria MPPD, Tingkat 3 Bangunan Terminal Bas PD, Kiosk Pantai Saujana (No. 2, 3, 5, 6 & 8), Gerai Pekan Linggi, Gerai Pantai 3 Teluk Kemang, Pusat Penjaja Bandar Springhill, Gerai Perhentian Bas Linggi.		
2	Januari hingga Mac 2026	22	Terminal Bas Port Dickson, Pasar Teluk Kemang, Pasar Port Dickson, Medan Selera Seri Bayu, Pasar Pasir Panjang, Dewan Serbaguna Kg Sawah Bukit Pelandok, Medan Ikan Bakar Kg Telok, Pasar Lukut, Medan Selera Seri Kemang, Pusat Penjaja Jln Mahajaya, Medan Selera Bandar PD, Gerai Pre-Emptive Kg Paya, Pusat Penjaja Batu 2, Jln Seremban, Gerai Rumah Rakyat Kuala Lukut, Gerai Rumah Rakyat Pekan Lukut, Pusat Penjaja Lukut Utama, Pusat Penjaja Sri Lukut, Pusat Penjaja Bandar Springhill, Pusat Penjaja Vista Jaya, Pusat Penjaja Sunggala Hartamas, Medan Selera Taman Intan Perdana, Gerai Kraf Batu 2, Jalan Seremban.		

LAWATAN PEMERIKSAAN TAPAK LOT PEMBANGUNAN UNTUK PENGENAAN CAJ PEMAJUAN

November 2025 sehingga Mac 2026

Lawatan pemeriksaan tapak ini dilaksanakan bagi tujuan semakan, penilaian serta pengesahan ke atas cadangan pengenaan Caj Pemaajuan bagi lot pembangunan terlibat, sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Caj Pemaajuan (CP) untuk pertimbangan selanjutnya.

BIL	BULAN	BIL. LOKASI	LOKASI
1	November hingga Disember 2025	8	Lot 14051 Kuala Lukut, Mukim Port Dickson, Lot 13469 dan Lot 404 Pekan Lukut, Daerah PD, Lot 2065, Mukim Pekan Teluk Kemang, Lot 21248 Mukim Linggi, Lot 21068 Mukim Pekan Jemima, Bandar Springhill, Lot 2537, Mukim Si Rusa, dan PT 928, Mukim Bandar Port Dickson



JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

TEMUDUGA PENGISIAN GERAI/PASAR MPPD

November 2025 sehingga Mac 2026 | Bilik Mesyuarat Tanjung 2, MPPD

Pihak Jabatan telah mengadakan sesi temuduga Gerai/Pasar sebanyak lima (6) kali sehingga Mac 2026 mengikut senarai lokasi seperti jadual dibawah:

Bil	Tarikh Temuduga	Bil. Permohonan		Jumlah Permohonan	Keputusan		Status Penyewaan Pemohon Berjaya			
		Diproses untuk Temuduga	Permohonan Ditolak (Tidak memenuhi kriteria)		Berjaya	Gagal	Terima Tawaran			Tolak/Batal Tawaran
							Menyewa	Serahan	Rampasan	
11/2025	18.11.2025	43	4	47	15	28	15	0	0	0
12/2025	16.12.2025	36	7	43	23	13	23	0	0	0
13/2025	22.12.2025	33	1	34	29	4	29	0	0	0
1/2026	13.1.2026	12	1	13	7	4	0	0	0	0
2/2026	11.2.2026	24	5	29	7	16	0	0	0	1
3/2026	11.3.2026	18	1	19	8	8	0	0	0	1
JUMLAH		166	19	185	89	73	67	0	0	2



BENGKEL SIMULASI MODUL PENILAIAN SEMULA SISTEM MYHARTA

17 & 18 Mac 2026 | Klana Beach Resort, Port Dickson



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memudahkan proses kerja-kerja akhir dan penyediaan laporan Penilaian Semula bagi mengemaskini Senarai Nilai Baru. Proses ini juga melibatkan penetapan cukai taksiran baharu bagi pegangan berkadar di dalam kawasan pentadbiran MPPD.



JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

LAWAT PERIKSA BANGUNAN TAMBAHAN BAGI SUMBANGAN MEMBANTU KADAR BERSAMA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA N. SEMBILAN

27 Mac 2026 | Jabatan Kastam, Pejabat Kesihatan PD, Pusat Latihan Armor & Pusat Pengaman Malaysia



Tujuan lawat periksa ini dilakukan bersama pegawai JPPH Negeri bagi semakan dan mengukur semula harta-harta baru mengikut senarai yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPPD.



SESI PEMBENTANGAN PENGGUNAAN DRON LIDAR MAPPING OLEH AONIC SDN BHD

23 Februari 2026 | Bilik Mesyuarat Sri Tanjung 4, MPPD



Tujuan pembekal dijemput adalah untuk menerangkan penggunaan beberapa model dron yang boleh diguna pakai oleh Pihak MPPD bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja pemantauan secara berkala, kerja-kerja yang melibatkan penandaan sesuatu kawasan, kerja-kerja mengukur sesuatu bangunan dan kerja-kerja berkaitan pemantauan keselamatan.



UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON (MPPD)

10 Januari 2026 |

PD Perdana Resort, Palm Spring Resort, Cocobay Resort, The Regency Tanjung Tuan, Glory Beach Resort, Straits View Villas, Hibiscus PD, Lexis Port Dickson, Grand Lexis Port Dickson serta The Service Garden Chalet



MPPD terus komited melaksanakan Lawatan Pemantauan Pengurusan Bangunan Berstrata bagi memastikan kebersihan, penyelenggaraan dan keselamatan di bangunan berstrata sentiasa berada pada tahap yang baik demi keselesaan dan kesejahteraan penghuni, di samping menjaga imej Port Dickson sebagai destinasi pelancongan pilihan. Bagi siri lawatan kali ini, yang juga merupakan lawatan pemantauan terakhir bagi tahun 2025, pasukan MPPD telah menjalankan pemantauan di beberapa skim bangunan berstrata dan resort di bawah pengurusan JMB dan MC. Antara lokasi yang terlibat ialah PD Perdana Resort, Palm Spring Resort, Cocobay Resort, The Regency Tanjung Tuan, Glory Beach Resort, Straits View Villas, Hibiscus PD, Lexis Port Dickson, Grand Lexis Port Dickson serta The Service Garden Chalet.

Fokus pemantauan adalah meliputi pengurusan bangunan, penyelenggaraan fasiliti, aspek keselamatan serta maklum balas daripada pihak pengurusan dan penghuni, bagi memastikan setiap skim diurus dengan baik dan mengikut piawaian yang ditetapkan.



UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

PERBINCANGAN PENUBUHAN PERPUSTAKAAN DI FLAT SRI BANDAR PORT DICKSON

16 Januari 2026 | Flat Sri Bandar



Sesi mesyuarat dan perbincangan cadangan penubuhan Perpustakaan Komuniti di Flat Sri Bandar, Port Dickson telah diadakan dengan penglibatan Pegawai COB MPPD dan Pegawai Perpustakaan Negeri Sembilan, bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Perbincangan ini memfokuskan kepada hala tuju, keperluan serta pelaksanaan penubuhan perpustakaan sebagai kemudahan pembelajaran dan rujukan kepada penduduk setempat. Inisiatif ini dirancang sebagai sebuah perpustakaan komuniti yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat, bagi menyokong pembudayaan ilmu, meningkatkan akses kepada bahan bacaan serta memperkukuh pembangunan komuniti di kawasan perumahan strata.

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENARAFAN BINTANG PIHAK PENGURUSAN STRATA DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON BAGI TAHUN 2025

27 Februari 2026 | PD Perdana Condo



Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta telah mengadakan Majlis Penyerahan Sijil Penarafan Bintang Pihak Pengurusan Strata di PD Perdana yang dirasmikan oleh Tuan Hasnor bin Abd Hamid, Yang Dipertua merangkap Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Port Dickson.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ahli Majlis Zon 20, Setiausaha Majlis Perbandaran Port Dickson serta ahli jawatankuasa pengurusan Perbadanan Pengurusan PD Perdana. Majlis penyerahan sijil penarafan bintang pihak pengurusan strata ini sebagai suatu inisiatif untuk menghargai dan mengiktiraf pihak pengurusan strata yang terdiri daripada Pemaju / Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).

Tahniah diucapkan kepada Perbadanan PD Perdana kerana telah berjaya mencapai tahap penarafan 5 bintang.

Dengan adanya pengiktirafan seperti ini, ia dapat memberi motivasi kepada pihak pengurusan strata untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan serta mengamalkan tadbir urus yang terbaik demi kepentingan semua pemilik dan penghuni.



JABATAN KAWALAN BANGUNAN

MURAL "DOODLE" SEMPENA TAHUN MELAWAT NEGERI SEMBILAN 2026


31 Disember 2025 | Pasaraya TF Waterfront, Jalan Pathmanaban & Kiosk Pantai Saujana



Pasaraya TF PD Waterfront


Mural ini mengangkat tema Negeri Sembilan secara keseluruhan dengan elemen budaya, warisan dan identiti negeri

Program mural doodle di sekitar Port Dickson telah dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif memperindah kawasan bandar serta menyemarakkan sambutan Tahun Melawat Negeri Sembilan. Projek ini melibatkan tiga lokasi utama iaitu di Pasaraya TF Waterfront, Jalan Dato' K. Pathmanaban dan deretan kiosk di Pantai Saujana. Inisiatif ini bukan sahaja menceriakan persekitaran bandar, malah berfungsi sebagai medium promosi visual yang kreatif dalam menarik kehadiran pelancong serta meningkatkan imej Port Dickson sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan berdaya saing.



Kiosk Pantai Saujana

Mural berkonsep tempat-tempat menarik di setiap daerah dalam Negeri Sembilan, sekali gus mempromosikan kepelbagaian destinasi pelancongan.



Jalan Pathmanaban

Konsep mural "PD Magnetic" yang mengetengahkan daya tarikan unik Port Dickson sebagai destinasi pelancongan utama.

JABATAN PELESENAN



TAKLIMAT PELAKSANAAN PERKHIDMATAN PELESENAN

19 November 2025 | Dewan Orang Ramai Kg. India, Bukit Pelandok

Tujuan utama taklimat ini adalah memberi pendedahan dan kefahaman kepada para peniaga mengenai tatacara serta dokumen sokongan yang diperlukan bagi permohonan lesen perniagaan.

Melalui taklimat ini, para peniaga dapat bertanyakan soalan secara langsung kepada kakitangan jabatan pelesenan bagi segala persoalan berkenaan permohonan lesen perniagaan.

Usaha ini sejajar dengan keperluan para peniaga menjalankan perniagaan yang sah mengikut peruntukan undang-undang MPPD.



KERJA-KERJA PENGUKURAN & MENGECAT NOMBOR PLOT BAZAR RAMADAN DI KAWASAN SELIAAN MPPD

17 Januari 2026 | Bandar Port Dickson, Telok Kemang, Bandar Springhill, Pasir Panjang, Bandar Sunggala, Linggi & Taman Sunggala Hartamas



Kerja-kerja tersebut dilaksanakan sebagai persiapan kepada peniaga-peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan makanan dan minuman sempena bulan Ramadan yang akan menjelang.

LAWATAN KERJA KE STESEN JANAKUASA TUANKU MUHRIZ (JIMAH EAST POWER SDN. BHD.)

27 Januari 2026 | Stesen Janakuasa Tuanku Muhriz (Jimah East Power Sdn. Bhd.)



Lawatan ini bertujuan untuk penyelarasan semula kadar lesen perniagaan berdasarkan aktiviti sedia ada yang dijalankan oleh stesen janakuasa tersebut. Melalui lawatan ini juga pihak jabatan dapat menyampaikan maklumat terkini berkenaan pembaharuan lesen secara atas talian melalui aplikasi myPATIL Biz.

JABATAN PELESENAN

TAKLIMAT PEMATUHAN SYARAT PENIAGA BAZAR RAMADAN 2026

4 Februari 2026 | Dewan Besar MPPD



Taklimat ini bertujuan memastikan semua peniaga agar memahami dan memastikan tahap penyediaan makanan dalam keadaan yang baik dari segi keselamatan makanan, kebersihan tapak serta tidak berlakunya kenaikan harga barangan dan sebagainya. Para peniaga juga dinasihatkan supaya mematuhi syarat-syarat permit bazar ramadan MPPD serta lain-lain syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi kerajaan dari semasa ke semasa.

Taklimat ini telah diselia dan di kendalikan oleh Jabatan Pelesenan MPPD dan turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson dan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Cawangan Port Dickson. Turut bersama adalah pihak penganjur yang di lantik bagi pengendali bazar Ramadan Bandar Dataran Segar, Batu 4 Jalan Pantai dan Taman Politeknik



SESI PENYERAHAN PATIL KEPADA PENIAGA PASAR RAMADAN TAHUN 2026

20 Februari 2026 | Pasar Ramadan Batu 4, Port Dickson



Sesi ini bertujuan untuk menyerahkan patil rasmi kepada peniaga yang telah mendapat kelulusan lesen perniagaan serta memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Sesi penyerahan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pelesenan MPPD bersama Penganjur Pasar Ramadan serta para peniaga yang terlibat.

OPS PASAR RAMADAN MPPD (SIRI 4) – PEMERIKSAAN PENGENDALI MAKANAN & KEBERSIHAN BAZAR RAMADAN

3 Mac 2026 | Pasar Ramadan Telok Kemang & Pasar Ramadan Bandar Port Dickson

Operasi pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat permit, tahap kebersihan Pasar Ramadan serta pematuhan arahan larangan pengajian pekerja warga asing di bawah pentadbiran MPPD. Pemeriksaan turut merangkumi pematuhan larangan penggunaan beg plastik sekali guna dan polistirena, serta penggunaan penyedut minuman hanya atas permintaan.



Hasil pemeriksaan mendapati beberapa kesalahan dikenal pasti, antaranya tidak memakai kasut yang bersesuaian, memakai aksesori seperti jam tangan dan gelang, serta gagal mempamerkan Sijil Pengendali Makanan semasa pemeriksaan dijalankan.

JABATAN PELANCONGAN KORPORAT & KOMUNITI



LAWATAN FAM TRIP JELAJAH EKOPELANCONGAN SUNGAI LINGGI

22 November 2025 | Sungai Linggi



Program ini disertai oleh Tuan Hasnor bin Abd Hamid, Yang Dipertua MPPD, Encik Mohd Azizul Hakim bin Zaini, Setiausaha MPPD, Ahli Majlis MPPD bersama pengarah-pengarah jabatan MPPD

Lawatan FAM Trip ini adalah untuk meneroka, mendalami dan menilai produk baharu ekopelancongan daerah Port Dickson yang turut dikenali sebagai 'Mini Amazon' di sempadan Negeri Sembilan.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk mengenal pasti peluang kerjasama strategik serta merangka strategi promosi yang lebih berkesan sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.



Acara kemuncak lawatan adalah penyusuran sungai melalui Eco-Cruise Sungai Linggi, yang memberikan fokus eksklusif kepada kepelbagaian flora dan fauna, terutamanya kawasan hutan paya laut. Peserta Fam Trip berpeluang menyaksikan keindahan alam semula jadi Sungai Linggi termasuk penemuan spesis hidupan fauna seperti buaya, monyet dan bangau, disamping meninjau aktiviti tempatan seperti kawasan memancing udang galah.

Secara keseluruhannya, Fam Trip Jelajah Ekopelancongan Sungai Linggi telah menunjukkan potensi yang amat besar untuk menawarkan sebuah kelainan, pembaharuan, dan nilai tambah signifikan dalam memperkasa sektor pelancongan lestari negeri.





Majlis Way Forward MPPD 2026



Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah mengorak langkah ke hadapan dengan pembentangan pencapaian 2025 dan Way Forward 2026 yang telah dilaksanakan pada 4 Disember 2025 bertempat di Dewan MPPD.

Program ini telah dihadiri oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan disamping YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli-ahli Majlis MPPD serta warga kerja MPPD.

Pembentangan ini merangkumi pelbagai anugerah serta pengiktirafan yang telah di terima MPPD pada tahun 2025 serta pembentangan perancangan berimpak tinggi MPPD bagi tahun 2026. Pembentangan ini meliputi rancangan pembangunan infrastruktur di Port Dickson selaku Bandar Peranginan Negara serta perancangan Calender of Events (COE) 2026 MPPD dalam usaha memastikan Port Dickson sebagai teraju utama lokasi pelancongan di Negeri Sembilan di samping mempromosikan Port Dickson bersempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 (TMNS2026).



Disamping itu, pelancaran berikut telah diadakan iaitu :

- Aplikasi Sinergi MPPD
- Tabung Amanah Endowmen

Pada majlis ini juga, YAB Menteri Besar juga telah merasmikan

- Integrated Command Centre MPPD
- Lukisan Doodle di Jalan Dato' K. Pathmanaban dan PD Waterfront

Majlis diakhiri di Padang Merdeka, di mana YAB Menteri Besar meninjau penambahbaikan infrastruktur yang telah dilaksanakan.

MPPD komited untuk memastikan setiap perancangan dan hala tuju memberi manfaat kepada seluruh warga dan pengunjung Port Dickson.





Program Port Dickson Surfcasting 2025 anjuran Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan dan ANULAE MPPD telah berjaya dilaksanakan pada 7 Disember 2025 (Ahad) bertempat di Pantai Bagan Pinang. Sesi pelepasan peserta (flag-off) disempurnakan oleh YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli dan Tuan Hasnor bin Abd Hamid, Yang Dipertua MPPD.



Penyertaan seramai 506 orang peserta. Encik Roslan bin Borhan muncul juara membawa pulang RM10,000.00, tempat kedua (RM5,000.00) dan ketiga (RM1,000.00).



NS FEST 2025

20-31 Disember 2025 | Dataran Nilai



Penyertaan MPPD melalui pameran yang disediakan menjadi platform strategik untuk mempromosikan inisiatif pihak berkuasa tempatan serta perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengunjung. Pameran ini turut menerima kunjungan Yang Dipertua MPPD, Tuan Hasnor bin Abd Hamid, bersama YB Nicole Tan Lee Koon, EXCO Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah menyertai Program NS FEST 2025 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan sebagai sebahagian daripada persediaan dan sokongan berterusan ke arah Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 (TMNS2026). NS FEST juga menjadi platform penting dalam memacu Negeri Sembilan dari pelbagai aspek seperti menterjemahkan keunikan seni budaya dan pelancongan di Negeri Sembilan.



Kumpulan koir Swara Snada

Kumpulan Koir MPPD (SWARA SNADA) telah menyertai dan mara ke peringkat akhir Pertandingan Koir Piala YAB Menteri Besar.

Secara keseluruhannya, penglibatan MPPD dalam NS FEST 2025 serta pencapaian SWARA SNADA memperlihatkan komitmen berterusan MPPD dalam menyokong dan mendukung aspirasi Kerajaan Negeri yang juga merangkumi aspek pelancongan dan kebudayaan di Negeri Sembilan.



sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 (TMNS26) dan Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM26)



Program Welcoming Pelancong sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 (TMNS26) dan Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM26) telah diadakan pada 01 Januari 2026 (Khamis) di Plaza Tol Mambau (SPDH) dan Terminal Penumpang Antarabangsa Port Dickson, anjuran Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) bersama Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) dan Tourism Malaysia.



Program ini diserikan dengan kehadiran YB Puan Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian & Kebudayaan Negeri Sembilan; Tuan Hasnor bin Abd Hamid, Yang Dipertua MPPD; Encik Mohd Azizul Hakim bin Zaini, Setiausaha MPPD; Puan Nurhazelin binti Makli, Pegawai Daerah Port Dickson; dan Encik Mohd Shahrir bin Mohd Ali, Pengarah Bahagian Produksi Tourism Malaysia, serta barisan Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan.



Antara aktiviti utama program ialah penyerahan 400 beg cenderahati di Plaza Tol Mambau dan Terminal Penumpang Antarabangsa Port Dickson yang mengandungi 'soft toy' Maskot TMNS26 serta cenderamata TMNS26 & TMM26 kepada para pelancong.



LUMINAR FEST PORT DICKSON 2026



Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dengan kerjasama Alternate Kingdom Events Sdn. Bhd. (AK Events) telah menganjurkan LUMINAR FEST PORT DICKSON 2026 x Love Food Festival yang berlangsung dari 8 hingga 11 Januari 2026 (Khamis hingga Ahad) bertempat di Anjung Saujana, Pantai Saujana Batu 4, Port Dickson.



Sebagai simbolik perasmian juga, YB Puan Nicole Tan Lee Koon telah menandatangani Plak Perasmian Anjung Saujana, sekali gus merasmikan lokasi Magnetic Port Dickson Night dan bersama-sama dengan pengunjung yang hadir dalam gimik Drum circle dalam menyokong penganjuran program pelancongan, kebudayaan dan pembangunan komuniti yang baharu di Port Dickson.



Majlis perasmian turut disertai dengan tayangan video montaj terbitan MPPD yang memaparkan senarai program dan acara pelancongan COE 2026 yang dirancang untuk dilaksanakan sepanjang Tahun 2026, sebagai usaha berterusan MPPD dalam memperkasa sektor pelancongan serta merancakkan ekonomi setempat di daerah Port Dickson dan Negeri Sembilan.

Penganjuran Luminar Fest Port Dickson 2026 x Love Food Festival ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri pelancongan, menggalakkan penglibatan komuniti setempat serta memperkukuh imej Port Dickson sebagai destinasi pelancongan yang progresif disamping menyokong Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.



MAJLIS PERASMIAN LAMPU LIMPAAH PADANG MERDEKA PORT DICKSON

8 Mac 2026 | Padang Merdeka Port Dickson



Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, sebagai simbol komitmen berterusan dalam memperkasa kemudahan rekreasi dan sukan untuk kegunaan masyarakat setempat.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan perlawanan persahabatan bola sepak antara Pasukan Pilihan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan Pasukan Parlimen Port Dickson, yang telah berlangsung dalam suasana penuh dengan semangat kesukanan.

Penyediaan kemudahan lampu limpah ini membolehkan aktiviti sukan dan riadah diadakan pada waktu malam, sekali gus memberi lebih peluang kepada komuniti setempat khususnya masyarakat di Port Dickson untuk memanfaatkan kemudahan awam yang disediakan. Lampu limpah Padang Merdeka yang dinaik taraf ini diharapkan dapat menjadi pusat aktiviti komuniti, menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan antara pelbagai lapisan masyarakat di Port Dickson.



LAWATAN ADUAN AWAM

10 Mac 2026 | Taman Aman



Lawatan aduan isu banjir di Taman Aman telah dihadiri oleh Dato' Chiew Chi Kin, wakil Pejabat Parlimen, Puan Tan Kui Cheng, Ahli Majlis, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan, serta Jabatan Pelancongan, Korporat dan Komuniti (JPM) sebagai urus setia aduan.

Melalui lawatan ini, pihak jabatan dapat melihat sendiri situasi sebenar di lapangan serta

menyelaras tindakan susulan dan langkah penyelesaian yang bersesuaian bagi menangani isu banjir di kawasan ini daripada berulang.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dalam memastikan setiap aduan rakyat diberi perhatian serius serta diambil tindakan sewajarnya demi kesejahteraan penduduk setempat.



KUNJUNGAN HORMAT MPPD KEPADA KETUA PENGARAH TOURISM MALAYSIA YBRS. ENCIK MOHD AMIRUL RIZAL BIN ABDUL RAHIM

10 Mac 2026 | Pejabat Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Putrajaya



Delegasi kunjungan MPPD ini telah diketuai oleh YBrs. Tuan Hasnor bin Abd Hamid, Yang Dipertua, diiringi oleh Setiausaha, Encik Mohd Azizul Hakim bin Zaini, serta Pengarah-pengarah MPPD. Kunjungan ini telah menjadi platform untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama serta berkongsi pandangan dan idea dalam usaha mempromosikan Port Dickson sebagai salah satu destinasi pelancongan utama selari dengan pengiktirafannya sebagai Bandar Peranginan Negara.

Turut ditekankan semasa kunjungan ini ialah usaha mempergiatkan promosi ecotourism, budaya dan keunikan Port Dickson dan Negeri Sembilan bagi menarik lebih ramai pelancong sekaligus merencanakan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026(TMNS2026) dan Tahun Melawat Malaysia 2026(VM2026).



OPERASI PEMERIKSAAN LESEN PERNIAGAAN DAN PENGUATKUASAAN MPPD



12 Disember 2025, Batu 2 Jalan Seremban, Taman Pantai Mas, Taman Bagan Pinang dan Batu 7 Jalan Pantai

Pemeriksaan ini dijalankan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan serta menjaga kebersihan dan keselamatan persekitaran. Secara keseluruhan, 21 kompaun telah dikeluarkan sepanjang operasi ini. MPPD akan terus menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan tahap pematuhan berada pada standard yang ditetapkan serta mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih, selamat dan teratur.



OPERASI PEMERIKSAAN LESEN PASAR MALAM

13 Disember 2025 | Pasar Malam Bukit Pelandok



Satu operasi pemeriksaan lesen Pasar Malam telah dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Port Dickson. Dalam operasi tersebut, sebanyak 22 lesen perniagaan telah diperiksa bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Sehubungan itu, sebanyak 6 tawaran kompaun telah dikeluarkan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan. Teguran turut diberikan kepada semua peniaga agar sentiasa mematuhi Undang-undang Kecil serta peraturan yang berkuatkuasa

OPERASI BERSEPADU E-WASTE

25 Februari 2026 / Kampung Kuala Lukut



Operasi Bersepadu bersama PDRM, Imigresen dan Jabatan Alam Sekitar. Operasi ini dijalankan bagi membanteras aktiviti pemprosesan bahan elektronik terpakai (e-waste) tanpa kebenaran. Premis tidak mempunyai lesen perniagaan daripada MPPD. Satu tawaran kompaun telah dikeluarkan iaitu merujuk UUK3: Berniaga tanpa lesen.

OPERASI PEMERIKSAAN PERMIT BUNGA API



13 Mac 2026, Bandar Port Dickson, Pusat Perniagaan Cahaya Suria, Dataran Segar, Pekan Lukut, Batu 4 Jalan Pantai, Batu 6 Jalan Pantai, PD Sunggala Gateway

Melakukan Pemeriksaan Lesen Perniagaan Di Bandar Port Dickson, Pusat Perniagaan Cahaya Suria, Dataran Segar, Pekan Lukut, Batu 4 Jalan Pantai, Batu 6 Jalan Pantai, PD Sunggala Gateway. Memastikan Peniaga Mematuhi Undang-Undang Dan Peraturan MPPD.



OPERASI “COW BOY” (LEMBU)

31 Mac 2026 | Jalan Raya Lukut–Sepang



Hasil operasi tersebut, pihak jabatan telah berjaya menyita seekor lembu yang ditemui di bahu jalan Lukut–Sepang berhampiran Kampung Janging. Tindakan sitaan ini diambil di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Kawalan Lembu dan Kerbau (MPPD) 1982, berikutan kesalahan membiarkan ternakan berkeliaran di jalan utama yang boleh menyebabkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya.

OPERASI PEMERIKSAAN LESEN PASAR MALAM

13 Mac 2026, Hadapan restoran Ss Maju PD Sunggala Gateway & hadapan Bazar MARA dan hadapan Pejabat Pos Pasir Panjang



Melakukan sitaan terhadap penjaja buah yang ingkar arahan notis meninggalkan barang perniagaan selepas waktu berniaga.



LAWATAN KERJA RASMI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN KE JABATAN KEWANGAN, MPPD

11 Disember 2025 | Dewan MPPD



Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk perkongsian berkenaan proses kerja perlaksanaan Fi Lestari di MPPD. Lawatan telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Seremban, Puan Ruhiyati. Turut serta di dalam sesi perkongsian ini juga adalah Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Pengarah Unit Perundangan, Majlis Perbandaran Port Dickson.



LAWATAN TAPAK TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DI UNIT STRATA

November - Disember 2025 | Sekitar Port Dickson

Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson telah membuat lawatan tapak unit Strata di sekitar Daerah Port Dickson. Lawatan ini turut disertai oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan wakil-wakil Ahlis Majlis MPPD yang berkaitan. Lawatan ini bertujuan bagi mengenal pasti keadaan sebenar unit yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi serta mendapatkan maklumat terkini pemilik berdasarkan rekod semasa di pihak pengurusan strata berkaitan untuk tindakan pihak majlis seterusnya.



MESYUARAT PENUTUPAN PENYATA KEWANGAN MPPD BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

27 November 2025 | Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan



Pihak Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan telah mengadakan Exit Conference bagi membentangkan maklumbalas Laporan Pemerhatian Audit berkenaan Penyata Kewangan MPPD Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025 yang seterusnya telah melayakkan pihak MPPD mendapat Sijil Bersih.

KAUNTER BERGERAK KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL PERTAMA TAHUN 2026

Februari 2026 | Sekitar Port Dickson



Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson telah membuat Perkhidmatan Kaunter Bergerak Cukai Taksiran di sekitar Daerah Port Dickson bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran dan semakan cukai taksiran.

JABATAN PERKHIDMATAN, PERBANDARAN, DAN KESIHATAN

PEMBERSIHAN

Aktiviti pembersihan di kawasan seliaan MPPD sepanjang bulan November 2025 sehingga Mac 2026 bagi mewujudkan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat.

LOKASI PEMBERSIHAN :

1. Taman Desa Pingitan
2. Hadapan Sekolah Kebangsaan Telok Kemang
3. Padang Jalan Mawar Taman PD Utama
4. Rumah Rakyat Pengkalan Durian
5. Jalan Cunningham
6. Pantai Tg. Gemok
7. Taman Jimah Jaya Site C Fasa 2
8. Bandar Sunggala
9. Jalan Lama, Kampung Chokra
10. Gerai MPPD No. 4A, Pantai 3 Teluk Kemang
11. Taman Wawasan
12. Kawasan Pantai Tanjung Gemok
13. Rumah Rakyat Pengkalan Durian
14. Kampung Sri Parit
15. Pekan Lukut - Springhill
16. Rumah Rakyat Pekan Lukut
17. Pembersihan Laluan OKU
18. Taman Indah Baru
19. Tapak Pasar Ramadan MPPD, Port Dickson
20. Padang Permainan Kuarters JKR Kg. Paya
21. Taman Bukit Samudra



SANITASI

Aktiviti sanitasi dan pembersihan menyeluruh medan selera bagi memastikan persekitaran bebas daripada kuman, bakteria dan bau yang tidak menyenangkan.

LOKASI SANITASI :

Medan Selera Pantai Bagan Pinang



PLOGGING

Aktiviti *plogging* telah diadakan pada 23 Disember 2025 di tepi jalan utama Pekan Port Dickson. Aktiviti ini boleh mengurangkan sampah dan menggalakkan gaya hidup sihat serta kesedaran terhadap alam sekitar.



JABATAN PERKHIDMATAN, PERBANDARAN, DAN KESIHATAN



PEMBERSIHAN PASAR AWAM

Aktiviti pembersihan pasar awam yang melibatkan pihak MPPD, SWCorp & peniaga ini adalah bertujuan untuk memastikan pasar awam sentiasa bersih, selamat dan selesa untuk pengunjung.

LOKASI PEMBERSIHAN :

1. Pasar Besar Port Dickson
2. Pasar Lukut
3. Pasar Telok Kemang



OPERASI

OPERASI PEROBOHAN BINAAN TANDAS HARAM

17 Disember 2025 | Kawasan Pantai Batu 5, Port Dickson



OPERASI PEMERIKSAAN BERSAMA JABATAN DALAMAN MPPD DAN PIHAK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KE KILANG PEMBUNGKUSAN DAGING SALAI

14 Februari 2026 | Bukit Pelandok



JABATAN PERKHIDMATAN, PERBANDARAN, DAN KESIHATAN

ADUAN

LAWATAN ADUAN ISU INSIDEN LIMPAHAN SISA LARUT RESAP

22 Januari 2026 | Tapak Pelupusan Sanitari Cypark, Port Dickson



PENURUNAN GEGANTUNG

AKTIVITI MENURUNKAN GEGANTUNG HARI KEPUTERAAN DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN KE-78

9 Februari 2026 | PD – Teluk Kemang



SEMBURAN LALAT

SEMBURAN LALAT DI KAWASAN TAPAK PASAR RAMADAN

19 Februari 2026 | PD - Linggi



TAKLIMAT SEBUT HARGA KERJA

03 Februari 2026 / Dewan MPPD



Taklimat sebut harga kerja yang terdiri daripada satu (1) kerja G1 dan satu (1) dan dua puluh lapan (28) kerja G2. Maklumat sebut harga adalah seperti berikut :

Tarikh iklan : 29.01.2026

Tarikh jual : 03.02.2026

Tarikh tutup : 09.02.2026

TAKLIMAT SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

30 Mac 2026 / Dewan MPPD

Taklimat sebut harga perkhidmatan yang terdiri daripada satu (1) kerja. Maklumat sebut harga adalah seperti berikut :

Tarikh iklan : 16.01.2026

Tarikh jual : 30.03.2026

Tarikh tutup : 06.04.2026



UNIT PERUNDANGAN

TAKLIMAT HANDS-ON TRAINING PEMFAILAN KERTAS SIASATAN E-KEHAKIMAN

10 Februari 2026 / Bilik Latihan IT

Seramai 26 pegawai daripada setiap Jabatan MPPD telah menghadiri taklimat berkenaan tatacara pemfailan kertas siasatan menggunakan sistem e-Kehakiman.



LAWATAN PENANDAARASAN KE MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG & STESEN JANAKUASA SEGARI ENERGY VENTURES, LUMUT

11 November 2025 | Manjung

Delegasi MPPD terdiri daripada pelbagai jabatan seperti Unit OSC, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, Jabatan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan, Perbandaran dan Kesihatan serta Jabatan Pelancongan, Korporat dan Komuniti. Delegasi ini telah diketuai oleh Tuan Setiausaha MPPD, Encik Mohd Azizul Hakim bin Zaini serta Ahli Majlis MPPD iaitu Encik Muhammad Izzat Isam bin Bunandar.



Sesi lawatan ke Majlis Perbandaran Manjung adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan berkongsi amalan terbaik berkaitan:

- i) Pengurusan serta penyelenggaraan tandas awam berprestasi tinggi milik MP Manjung, khususnya di kawasan pantai,
- ii) Strategi mengatasi isu vandalisme serta mengekalkan kebersihan tandas awam,
- iii) Proses permohonan permit bangunan sementara,
- iv) Tatacara penguatkuasaan terhadap struktur binaan tanpa kelulusan; dan
- v) Pendekatan inovatif dan kreatif MP Manjung dalam pembangunan infrastruktur awam yang lestari dan berdaya saing.

Selain itu, sesi lawatan ke Stesen Janakuasa Segari Energy Ventures, Lumut adalah bertujuan untuk mendapatkan pendedahan serta visual sebenar pengoperasian sebuah stesen janakuasa dan mempelajari pendekatan dan kaedah dalam menguruskan isu-isu berbangkit dan langkah mitigasi lain. Delegasi MPPD juga telah diberikan taklimat oleh pihak Malakoff Corporation Berhad berkaitan stesen janakuasa ini termasuklah teknologi yang digunakan dan sistem operasi janakuasa tersebut dalam membekalkan tenaga elektrik kepada pihak Tenaga Nasional Berhad.



Seterusnya delegasi dibawa ke sekitar janakuasa untuk melihat dan merasai kesan langsung pengoperasian janakuasa ini terutamanya dari segi bunyi yang dihasilkan, gegaran dan kesan haba yang dikeluarkan oleh janakuasa ini.

PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pengurusan Kewangan (Jabatan Kewangan)

12 November 2025 | Jabatan Kewangan

Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan bertujuan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan Kewangan terhadap peraturan dan tatacara kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan. Pemeriksaan ini merangkumi semakan terhadap pengurusan tunai, rekod kewangan, panjar wang runcit, penyimpanan dokumen kewangan, serta kawalan keselamatan kewangan di jabatan.



Pengurusan Setem dan Mesin Franking

12 November 2025 | Jabatan Khidmat Pengurusan

Pemeriksaan ini bertujuan memastikan semua urusan berkaitan pembelian, penyimpanan, penggunaan dan rekod setem serta mesin franking dijalankan dengan teratur, telus, dan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Semakan turut meliputi kawalan terhadap nilai kredit mesin franking, penyelenggaraan rekod penggunaan, penyimpanan setem yang tidak digunakan, serta keselamatan fizikal peralatan dan bahan berkaitan. Pemeriksaan mengejut ini berperanan untuk mengesan sebarang kelemahan dalam kawalan dalaman, penggunaan tidak sah atau pembaziran sumber jabatan.



Pengurusan Stiker Gantung dan Patil

13 November 2025 | Jabatan Pelesenan

Pemeriksaan Mengejut Pengurusan Stiker, Gantung dan Patil dilaksanakan bagi menilai tahap pematuhan dan keberkesanan kawalan terhadap proses penyimpanan, pengeluaran. Pemeriksaan ini bertujuan memastikan semua item tersebut diurus secara teratur, dikawal dengan baik dan digunakan hanya bagi tujuan rasmi jabatan.

Semakan meliputi aspek kawalan stok, penyimpanan, rekod penerimaan dan pengeluaran, kelulusan penggunaan serta pengesanan baki fizikal dengan rekod simpanan.



Pengurusan Stiker Gantung

13 November 2025 | Jabatan Kawalan Bangunan

Pemeriksaan ini bertujuan untuk menilai tahap pematuhan jabatan terhadap tatacara pengurusan, penyimpanan, dan penggunaan stiker gantung yang digunakan dalam urusan pemantauan serta penguatkuasaan.

Skop pemeriksaan meliputi semakan terhadap rekod penerimaan, pengeluaran, baki stok fizikal, penyimpanan yang selamat, kawalan akses dan kelulusan penggunaan stiker gantung. Pemeriksaan juga dijalankan bagi mengesan sebarang kelemahan dalam kawalan dalaman seperti kehilangan stok, penggunaan tidak sah, atau penyimpangan daripada peraturan.



PENGAUDITAN PENGURUSAN STOR KERAJAAN (STOR UTAMA)



24 November 2025 hingga 5 Disember 2025 | Jabatan Kewangan


Pengauditan Pengurusan Stor Kerajaan ini dijalankan bagi menilai tahap pengurusan stor utama di Majlis Perbandaran Port Dickson selaras dengan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan dan Arahan Perbendaharaan.



PENGAUDITAN BERKALA ASET PEMERIKSAAN MENGEJUT ASET PENGURUSAN FAIL KENDERAAN

5 – 28 Februari 2026 | Jabatan Khidmat Pengurusan

Pengauditan Pengurusan Fail Kenderaan ini dijalankan bagi menilai tahap pengurusan kenderaan di Majlis Perbandaran Port Dickson selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling berkaitan pengurusan kenderaan kerajaan.



PERSIAPAN SISTEM PENARAFAN BINTANG

21 – 31 Mac 2026 | Majlis Perbandaran Port Dickson

Sistem Penarafan Bintang PBT merupakan satu mekanisme penilaian prestasi untuk menilai tahap prestasi pengurusan PB, Mengukur kecekapan penyampaian perkhidmatan, Menggalakkan budaya kerja cemerlang dan Meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus.



Aplikasi mobil dan web bagi warga Port Dickson

Semak dan Bayar Tanpa Tunai

Hanya tap, tap dan bayar

✓ **CUKAI TAKSIRAN** ✓ **KOMPAUN** ✓ **SEWA PREMIS**

Kelebihan

✓ **PENEBUSAN MATA GANJARAN**

✓ **SEMAKAN BIL TERKINI**

✓ **AKAUN DIKEMASKINI SERTA MERTA**



**Jom tukar ke bil digital.
Imbas dan muat turun
Clique MPPD sekarang!**



Muat turun di
App Store



Muat turun di
Google Play



Laman Web
Clique MPPD